


# MMA mahu kerajaan lihat balik syarat doktor sambung program 'Parallel Pathway'

Oleh Rohaniza Idris - Februari 6, 2024 @ 3:22pm  
roha@bh.com.my



Sejak 2021, pemohon program sarjana dan PhD yang memohon melanjutkan pelajaran atau pasca siswazah disyaratkan perlu memohon bbiasiswa HLP. - Foto hiasan NSTP

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan melihat semula syarat yang menetapkan calon yang mahu mendapatkan Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'Parallel Pathway' perlu mendapatkan bbiasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata syarat yang ditetapkan itu dilihat menyekat peluang calon mendapatkan tempat untuk mengikut program berkenaan.

Pada masa ini pegawai perubatan dalam sektor penjagaan kesihatan awam, yang memohon program sarjana perubatan daripada universiti atau program 'Parallel

Pathway'di dalam dan luar negara dikehendaki memohon HLP yang juga biasiswa kerajaan.

Sistem semasa ini membataskan pilihan bakal pelatih untuk mendapatkan peluang mengikut program berkenaan.

"Biasiswa HLP itu tidak sepatutnya menjadi mandatori untuk mereka mengikut program ijazah lanjutan kepakaran, kerana doktor berkenaan sebenarnya bersedia untuk membayai latihan kepakaran mereka sendiri tanpa terikat dengan biasiswa kerajaan.

"Syarat yang ditetapkan ini menyekat peluang yang ada, mewujudkan ketidakpastian, dan membataskan peluang bagi mendapatkan HLP.

"Kami dimaklumkan doktor yang layak dan telah memohon latihan kepakaran terpaksa menunggu antara satu hingga empat tahun bagi mendapatkan HLP.

"Isu seperti ini hanya mempengaruhi pengeluaran pakar perubatan yang sangat diperlukan oleh negara, ketika ini," katanya dalam kenyataan.

Dr Azizan menjelaskan dengan perubahan itu menyebabkan Malaysia akan terus mengalami kekurangan doktor pakar dalam semua bidang kepakaran perubatan.

Katanya, ketika ini daripada 13,000 pakar yang sedang berkhidmat di negara ini, hanya kira-kira 9,000 saja yang berkhidmat dalam penjagaan kesihatan awam.

"Perlu diingatkan bahawa lebih daripada 70 peratus penduduk negara ini bergantung kepada sistem penjagaan kesihatan awam bagi memenuhi keperluan kesihatan mereka.

"Nisbah penduduk Malaysia kepada pakar pada masa ini adalah 10,000 bagi setiap empat doktor jumlah yang sangat berbeza dengan purata ditetapkan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), iaitu 10,000:14.3," katanya.

Beliau juga bimbang sasaran ditetapkan kerajaan untuk mempunyai 28,000 doktor pakar menjelang 2030 tidak mungkin dicapai kerana jumlah pakar yang dihasilkan ketika ini hanya dalam anggaran kira-kira 1,000 setiap tahun.

Untuk rekod, HLP program penajaan dan cuti bergaji penuh kepada pegawai-pegawai kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan pegawai kontrak bagi mengikuti pengajian ijazah lanjutan secara sepenuh masa sama ada Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD) di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam dan luar negara.

Sejak 2021, pemohon program sarjana dan PhD yang memohon melanjutkan pelajaran atau pasca siswazah disyaratkan perlu memohon biasiswa HLP.

Jika biasiswa itu diluluskan, kerajaan akan menanggung semua kos bagi mereka yang memilih program MMED atau menanggung kos untuk peperiksaan kedua dan ketiga hanya sekali bagi mereka yang mengambil ijazah lanjutan kepakaran.

HLP mensyaratkan semua peserta latihan yang mendapat biasiswa itu berkhidmat selama tujuh tahun dan memenuhi tahun-tahun latihan yang dilanjutkan.

Selain itu, terdapat kos ikatan yang lebih tinggi dan peluang pemindahan yang dikurangkan di bawah biasiswa HLP.

Dr Azizan menjelaskan bagi melayakkan pelatih menerima biasiswa HLP, calon dikehendaki lulus Peperiksaan Prakemasukan Ijazah Lanjutan Perubatan (MedEx) membabitkan kos RM800 bagi calon program Sarjana Perubatan (MMED) atau lulus kertas pertama bagi program ijazah lanjutan kepakaran yang mana kos ditetapkan berbeza bergantung pada bidang penghususan.

Namun, katanya syarat itu menyatakan calon mungkin tidak layak untuk mendapat biasiswa jika pengalaman perkhidmatan mereka tidak mencukupi.

Berdasarkan syarat kelayakan, calon yang boleh membuat sarjana dan ijazah lanjutan kepakaran perlu berumur tidak melebihi 40 tahun.

"Baru-baru ini, pelatih 'Parallel Pathway' turut berpeluang mendapatkan HLV dan ini menyebabkan pegawai perubatan yang mempunyai sarjana perlu bersaing dengan mereka dalam program itu.

"Sudahlah peluang tersedia dilaporkan terhad, kini ramai pegawai perubatan tidak dapat menyertai program ini kerana perubahan ini.

"Sebelum ini, calon dapat menduduki peperiksaan dan melanjutkan latihan mereka tanpa batasan bilangan calon. Dengan adanya HLP, orang yang berumur tertentu tidak dapat dipertimbangkan mengikuti latihan pasca siswazah," katanya.

Beliau menjelaskan oleh kerana peluang pegawai perubatan kini terhad maka mereka terpaksa bersaing dengan pelatih yang kini mengikut program pasca siswazah.

### **Ramai doktor kecewa, berhenti kerja kerana isu HLP**

"Oleh itu, sesetengah doktor kini terpaksa meninggalkan perkhidmatan kerajaan untuk mencari peluang lebih baik di luar negeri, kerana kecewa dengan sistem yang baharu ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Azizan mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang menyatakan komitmen untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan latihan kepakaran.

Namun, tegas beliau semua pihak yang terbabit dalam isu pengambilan dan latihan doktor pakar seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Majlis Perubatan Malaysia (MMC), dan universiti turut komited bekerjasama dengan kementerian bagi menambahbaik sistem pengambilan doktor muda dan sistem rawatan perubatan dan kesihatan negara.

"MMA turut menyokong penuh usaha pemadanan kursus perubatan dalam Projek Kurikulum Nasional Sarjana Perubatan Klinikal (NPMC) yang dapat meningkatkan kualiti latihan kepakaran perubatan di negara ini," katanya.